

Pas didakwa guna

UM - 3 FEB 2003

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 2 Feb. — Jabatan Penuntut Malaysia di Mesir mendedahkan Persekutuan Melayu Republik Arab-Mesir (PMRAM) telah digunakan oleh parti pembangkang Pas untuk melahirkan 'kader-kader' mereka di negara itu.

Pengarahnya, Wan Bakar Wan Dagang berkata, kader-kader ini yang terdiri daripada pelajar-pelajar senior menguasai pelajar-pelajar Malaysia yang baru datang ke Mesir dengan mengongkong pergaulan dan aktiviti mereka.

Disebabkan itu kata beliau, hampir 70 peratus pelajar Malaysia di Mesir bersimpati dengan parti pembangkang.

Malah, Wan Bakar memberitahu PMRAM pernah bertindak menghalang hasrat pemimpin kerajaan yang datang ke Mesir untuk menemui pelajar di rumah-rumah negeri.

"Dalam mesyuarat baru-baru ini, ada Badan Kebajikan Anak Negeri (Bakan) mengeluarkan resolusi kononnya majoriti ahli menolak sama sekali kemungkinan berdaftar dengan kedutaan," katanya ketika ditemui di Kaherah semasa lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Beliau mendakwa, kebanyakan pelajar khususnya yang baru, takut untuk membantah keputusan yang dibuat oleh pemimpin PMRAM kerana bimbang dipulaukan.

PMRAM kuasai pelajar

Menurut beliau, terdapat seramai 6,463 pelajar Malaysia yang menuntut di Mesir dengan majoriti iaitu 99 peratus belajar di Universiti Al-Azhar manakala baki 47 orang mengikuti bidang perubatan di Universiti Kaherah.

Tambahnya, hanya 40 peratus daripada jumlah pelajar di Mesir ini mendapat pinjaman pelajaran manakala selebihnya belajar atas pembiayaan sendiri di samping mendapat bantuan zakat dan dermasiswa.

Difahamkan zakat tertinggi ialah sebanyak RM8,000 seorang diberikan oleh Majlis Agama Islam Selangor.

Beliau menjelaskan, pada masa ini hanya tiga di Mesir iaitu Melaka, Sabah dan Sarawak yang mematuhi arahan kerajaan

supaya mendaftar dengan Kedutaan Malaysia di negara itu.

Bakan yang lain sehingga kini enggan berbuat demikian, sebaliknya menjadi ahli gabungan PMRAM yang berdaftar sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan kerajaan Mesir.

Menurut Wan Bakar, pihaknya telah beberapa kali meminta persatuan-persatuan anak negeri mendaftar dengan kedutaan bagi merapatkan hubungan pelajar Malaysia di Mesir dan memudahkan urusan menjaga kebajikan dan penyaluran bantuan kewangan.

Bagaimanapun, beliau mendakwa ada hasutan daripada pihak-pihak tertentu supaya Bakan selain dari tiga negeri itu tidak

berbuat demikian atas alasan hendak bebas.

"PMRAM ini ditubuhkan sejak 1930-an dan ahlinya dulu terdiri daripada gabungan persatuan anak Melayu nusantara iaitu Brunei, Malaysia, Indonesia dan Singapura yang melanjutkan pelajaran di Mesir.

"Apabila negara-negara itu membuka kedutaan di Kaherah, persatuan pelajar Brunei, Indonesia dan Singapura telah berdaftar dengan kedutaan masing-masing.

"Hanya pelajar Malaysia di bawah persatuan anak negeri masing-masing ini yang tidak mahu berdaftar dengan kedutaan dan berkeras mahu terus menjadi gabungan PMRAM," katanya.